

MAHATHIR -- BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA DASAR-DASAR KERAJAAN YANG ADA SEKARANG TIDAK PERLU DIUBAH TETAPI RAKYAT SENDIRILAH TERMASUK BUMIPUTERA YANG PERLU MENGUBAH SIKAP DENGAN BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR-DASAR YANG DIGUBAL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBANTU RAKYAT LEBIH DARIPADA MENCUKUPI TETAPI RAKYAT SENDIRI PERLU MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT TERMASUK BERKEBOLEHAN, RAJIN DAN AMANAH BAGI MENJAMIN KEJAYAAN DALAM BIDANG-BIDANG YANG DICEBURI.

BELIAU MEMINTA SEMUA PENDUDUK SUPAYA BERUSAHA MENINGKATKAN KEUPAYAAN MASING-MASING DAN TIDAK CUMA BERGANTUNG KEPADA DASAR-DASAR ATAU TINDAKAN KERAJAAN SEMATA-MATA UNTUK MEMBANTU MEREKA.

+ KITA PERLU MENUMPUKAN KEPADA SIFAT-SIFAT UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN DARIPADA MENUMPUKAN KEPADA PEMBENTUKAN DASAR-DASAR ATAU TINDAKAN KERAJAAN, + KATANYA SEMASA MERASMIKAN SIMPOSIUM BUMIPUTERA DAN EKONOMI NEGARA DI HOTEL REGENT DI SINI.

BELIAU YAKIN JIKA SEMUA PENDUDUK, KHUSUSNYA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA DAPAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA, KERAJAAN TIDAK PAYAH MENAMBAH ATAU MENGUBAH DASAR YANG ADA HEMANDANGKAN DASAR YANG WUJUD SUDAH LEBIH DARIPADA CUKUPI. -- LAGI

D214

R B411 BAH EMA

MAHATHIR - BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA JIKA ADA PENIAGA ATAU PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG BERJAYA HARI INI, KEJAYAANNYA ITU BUKAN CUMA KERANA ADANYA DASAR-DASAR UNTUK MEMBANTU MEREKA TETAPI KERANA SIFAT-SIFAT MEREKA SENDIRI YANG BOLEH MEMBAWA KEJAYAAN.

SAMBIL MENGGESA BUMIPUTERA MENANAM SIKAP MENGEKERITIK DIRI SENDIRI, PERDANA MENTERI MENJELASKAN JIKA PERBANDINGAN DIBUAT ANTARA MEREKA YANG BERJAYA DENGAN MEREKA YANG GAGAL, JAWAPAN YANG BOLEH DIPEROLEHI IALAH MEREKA YANG BERJAYA BERKEBOLEHAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN SENDIRI.

+ DALAM LAWATAN SAYA KE LUAR NEGERI, SAYA MENDAPATI KEJAYAAN SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA SIFAT MASYARAKATNYA. JIKA RAJIN, AMANAH, BERPELAJARAN TINGGI DAN BERILMU, MEREKA BERJAYA.

+ TETAPI JIKA MEREKA LEBIH SUKA MENDESAK DAN MEMBUAT KOMPLEN KE SANA KE MARI, SUNGGUHPUN MEREKA BERJAYA PADA MASA DAHULU, KINI MEREKA MEROSOT, + TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR TIDAK MAHU PENDUDUK NEGARA INI MENYALAHKAN DASAR-DASAR KERAJAAN JIKA MEREKA GAGAL KERANA JIKA BERBAGAI-BAGAI DASAR DIJALANKAN, TETAPI RAKYAT TIDAK BERUSAHA SENDIRI, SUDAH TENTU KEJAYAAN TIDAK DAPAT DIPEROLEHI. -- LAGI

MAHATHIR - BUMIPUTERA 3 KUALA LUMPUR
 PERDANA MENTERI KESAL DENGAN DAKWAAN SEGOLONGAN YANG TERMASUK
 BUMIPUTERA SENDIRI-KONONNYA DASAR EKONOMI BARU (DEB) CUMA
 MENGUNTUNGKAN +BEBERAPA KERAT BUMIPUTERA.+

+ RAMAI JUGA BUMIPUTERA YANG MELATAH DAN MENYOKONG DAKWAAN ITU
 TETAPI SAYA INGIN TEGASKAN TANPA DEB, MEREKA TIDAK DAPAT MENERIMA
 PELAJARAN TINGGI DAN TIDAK DAPAT PELUANG MEMBUAT KENYATAAN
 MENYALAHKAN DEB.

+ MALAHAN KEHADIRAN RAMAI PENGUSAHA YANG TERKENAL DAN MEMPUYAI
 LATAR BELAKANG BAIK DI SIMPOSIUM HARI INI BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI
 UKURAN TENTANG KEJAYAAN KERAJAAN DALAM USAHA MELAKSANAKAN
 DASAR-DASARNYA,+ TAMBAH BELIAU KEPADA 400 PESERTA SIMPOSIUM DUA HARI
 ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU CAWANGAN WILAYAH
 PERSEKUTUAN ITU.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA SEGALA DASAR TERMASUK DEB DAN
 AMANAH SAHAM NASIONAL BUKAN TERTUMPU KEPADA GOLONGAN YANG BERNASIB
 BAIK SAHAJA TETAPI UNTUK MENENTUKAN SEMUA RAKYAT MENIKMATI
 PERKEMBANGAN EKONOMI.

KINI 1,500,000 BUMIPUTERA TELAH MELABUR DALAM ASN YANG MERUBAKAN
 UNIT SAHAM TERBESAR DI DUNIA.-- LAGI 1325MBT 31 07 84

MAHATHI P - BUMIPUTERA 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN PELABURAN POKOK UNTUK ASN
 CUMA 210, MASIH RAMAI YANG TIDAK MELABUR BUKAN KERANA DASAR KEPADA
 TIDAK BAIK ATAU HERAJAAN TIDAK BERUSAHA UNTUK MEMBANTU RAKYAT TETAPI
 SEMATA-MATA KERANA PILIHAN MEREKA SENDIRI.

KEPADA PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA, BELIAU BERPESAN AGAR
 MEREKA MENUMPUKAN KEPADA SOAL PENGURUSAN YANG BAIK TERMASUK
 BEKERJASAMA DENGAN RAKAN PERNIAGAAN MASING-MASING.

+ ADA DI KALANGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN, SELEPAS MESYUARAT
 PEPTAMA LEMBAGA PENGARAH DIADAKAN, MEREKA MENUBUHKAN DUA ATAU TIGA
 SYARIKAT LAIN SEMATA-MATA KERANA HENDAK HENJADI PRESIDEN ATAU
 Pengerusi SYARIKAT MASING-MASING.

+ KITA, KHUSUSNYA YANG BARU MULA PERNIAGAAN, HARUS BERKONGSI,
 BEKERJASAMA, BERTOLAK ANSUR, SANGGUP MENERIMA PANDANGAN DARI ORANG
 LAIN DAN MENGURANGKAN EMOSI.+

MEREKA JUGA HENDAKLAH MENGUTAHAKAN SIKAP JUJUR DAN AHAMAH YANG
 MERUPAKAN SEBAB-SEBAB HEN CAPA SESEBUAH SYARIKAT ITU GAGAL SUNGGUHPUN
 NEREA MEMPUYAI MODAL BANYAK DAN PELUANG-PELUANG DIBERIKAN OLEH
 KERAJAAN. TEGASNYA.--BERNAMA